

Headline	BSI-CIQ, JB Sentral serah sumbangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	403 cm <sup>2</sup>
Journalist	S Anand Kumar	AdValue	RM 13,892
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,675



# BSI-CIQ, JB Sentral serah sumbangan

» Kutipan hasil derma daripada kakitangan, orang ramai

Oleh S Anand Kumar dan Mohd Zulkifli Zainuddin  
 ✦ Johor Bahru

**P**engurusan Bangunan Sultan Iskandar Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (BSI-CIQ) dan JB Sentral menyumbangkan RM52,000 kepada Tabung Bencana NSTP-Media Prima bagi membantu mangsa banjir.

Sumbangan itu disampaikan oleh Pegawai Keselamatan, Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), Jabatan Perdana Menteri, Azali Bachok kepada wakil BH Johor, S Anand Kumar di pejabat BSA-CIQ di sini, semalam.

Azali berkata, sumbangan itu hasil kutipan derma daripada kakitangan dan pengguna BSI-JB Sentral yang dijalankan selama seminggu bermula pada 31 Disember lalu.

Katanya, 22 agensi kerajaan dan

swasta yang beroperasi di kedua-dua bangunan terbabit mengambil bahagian dalam kempen tabung bencana banjir BSI-JB Sentral yang buat pertama kali diadakan.

“Tabung kutipan diletakkan di pekarangan ruang legar di kedua-dua bangunan dari jam 8 pagi hingga 12 tengah malam, dan melihat kepada jumlah kutipan itu, ia menunjukkan orang ramai prihatin dengan kesusahan yang dialami mangsa banjir,” katanya.

## Bank Islam sumbang RM1.2j

Di Kota Bharu, Bank Islam Malaysia Berhad menyalurkan sumbangan RM1.2 juta kepada kerajaan negeri bagi membantu meringankan beban mangsa banjir di negeri ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Se-

ri Zukri Samat berkata, daripada jumlah itu, RM1 juta daripada dana zakat manakala RM200,000 sumbangan wang tunai daripada dana tanggungjawab sosial bank.

Katanya, sumbangan itu akan diberikan kepada kerajaan negeri yang bertanggungjawab mengenal pasti mangsa banjir yang layak bagi menerima bantuan terbabit.

“Tragedi ini boleh dianggap sebagai ‘tsunami kecil’ sehingga menyebabkan kerosakan yang teruk kepada kediaman serta harta benda mangsa di negeri ini.

“Sumbangan ini diharap dapat menampung kos membina dan membaik pulih rumah mangsa yang musnah dan rosak teruk,” katanya selepas menyampaikan replika cek bernilai RM1.2 juta kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Faudzi Che Mamat.

Headline	BSI-CIQ, JB Sentral serah sumbangan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	16	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	403 cm <sup>2</sup>
Journalist	S Anand Kumar	AdValue	RM 13,892
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,675



Zukri (kiri) menyerahkan replika cek kepada Mohd Faudzi **untuk bantuan mangsa banjir** di Kota Bharu, semalam.

[FOTO OWEE AH CHUN/BH]



Azali (tiga dari kiri) **menyampaikan replika cek** kepada S Anand (tiga dari kanan) di Johor Bahru, semalam.

[FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH]

